

09/09/2001

Cinta, politik & kemerdekaan

Azman Hussin

KALA mereka bertanyakan cinta kita dulu, kataku: "Kau sudah meninggal dunia dua tahun sudah. Kemalangan jalan raya." Sememangnya benar, kau tiada lagi. Setiap yang bernyawa akan merasai mati, kau juga. Semuanya mengalir, pantai rei, kata Heracleitus. Tiada yang kekal di sini, segalanya fana.

Ein, kau meninggal dunia dalam tragedi pulang bercuti sempena Hari Kemerdekaan, Hari Kebangsaan Malaysia. Kala rakyat Malaysia keghairahan menunggu detik 31 Ogos, takdir mengambil nyawamu. Kereta dinaikimu pancit, terbabas, lalu bertembung bas kilang sarat penumpang. Tubuhmu terbakar rentung, juga kakak, dan abang iparmu. Semuanya hangus. Di situ berakhir semuanya!

Begitulah kukisahkan pada mereka, Ein; begitu juga pernah kuharapkan. Tapi, tidak; kau masih hidup di sana, di Kuala Lumpur. Lemas dalam kemewahan sesudah mendustai cinta kita; manakala aku dibiarkan menelan rasa terhina dan menderita sendirian, wajarlah kau mati dalam imaginasi ini.

Hampir tiga tahun lepas, kala situasi politik negara tegang, kala pimpinan Umno memecat Anwar Ibrahim, hidup kita juga tunggang-langgang. Seluruh negara kebingungan, mereka bertanya apa akan jadi Malaysia? Seluruh dunia menonton drama politik ini. Siapa akan muncul juara, Anwar atau Mahathir? Setiap hari kudengar demonstrasi cuba menguasai Kuala Lumpur. Kuala Lumpur dibakar api. Benih-benih anarki tumbuh. Media massa sibuk melaporkan pergolakan politik ini. Parti pembangkang segera menyibukkan diri, membelasah kerajaan di pentas ceramah politik. Pas-DAP-Keadilan-PRM bersatu menghentam pimpinan kerajaan. Segala keburukan dan kelemahan melayang berterbangan.

Di kedai kopi seluruh negara, rakyat kebingungan, benarkah Anwar Ibrahim homoseks?

Sama ada ia benar atau tidak, peduli apa! Ada persoalan lebih besar perlu kita selesaikan. Ya, cinta kita! Biarlah para cendekiawan mengurai kekusutan politik negara, atau mereka juga turut dibelit keserabutan politik! Kita manusia kecil, selesaikan perkara kecil. Biar seluruh rakyat Malaysia menghancurkan negaranya sendiri, asalkan mereka tidak memusnahkan cinta kita.

Argh, cinta kita dilanggar petaka kala itu! Cinta yang dibina bertahun-tahun cuba diruntuhkan. Cinta kita di persimpangan kala Malaysia dilanda krisis politik dan ekonomi. Tiada siapa pedulikan kita. Penentangan keluargamu meletup. Api kemarahan mereka menjulang tinggi. Aku tak ada masa depan, budak tak tentu hala, miskin, kurang siuman. Dan ganja, pemalas, penyangak, penipu, semuanya dikaitkan denganku. Semuanya buruk dan tak berguna di mata mereka.

Itu tiga tahun sudah. Bertemu, bercinta, berpisah, dan kecewa adalah kisah sedih umat manusia sejak zaman berzaman, kuulangi kata seorang pemikir. Haruskah ditangisi semua ini? Air mataku sudah habis untuk semua penderitaan ini. Tiada apa lagi boleh kutangisi. Semuanya sudah tercatat. Ia tidak boleh dipadamkan seperti tulisan di kertas. Tiada jodoh antara kita, apa lagi perlu kukesalkan, Ein.

Cinta, rusuhan, reformasi, Soros, IMF, Anwar, Dr Mahathir, homoseks, semuanya terus bergumpal dan melekat di fikiran, dan betapa pelik kehidupan ini! Mengapa? Kini semua itu membuat aku ketawa, lalu mengakui, benarlah pengajaran terbaik adalah pengalaman, biarpun ia lambat tiba,

kala semuanya sudah tak berguna apa-apa. Benarlah Dr Mahathir, yang memetik hikmah Albert Einstein dalam bahasanya sendiri, dalam Kebangkitan Semula Asia. Katanya, dunia takkan dapat menyelesaikan krisis dengan menggunakan pemikiran yang mencipta masalah itu sendiri.

Ya, kita tidak dapat menyelesaikan masalah, jika kita tidak melihat dari luar lingkungan fikiran yang mencetuskan semua masalah itu.

Sekarang di sini, jauh dari Kuala Lumpur, kala aku sudah pulih dari kecanduan cintamu, kala Anwar Ibrahim makin dilupakan rakyat, tiba-tiba aku mimpikanmu.

Badai reformasi sudah berlalu, jiwaku juga tenang mengakui hakikat keagungan takdir, aku mimpikanmu malam tadi. Apa semua ini?

Ein, cinta kita tragik. Tiada siapa menduga kita saling jatuh hati. Enggang dan pipit mana mungkin bersama! Cinta menggilakan. Cinta memabukkan. Cinta memang mengkhayalkan. Bagaimana semuanya bermula? Aku perasan, wajahmu ada bayangan Nurul Izzah, Puteri Reformasi itu. Kau tersipu malu, mes ghairah membahaskan isu politik, agama dan negara. Aku orang Anwar Ibrahim, akuimu, Anwar mangsa fitnah.

Kala itu aku tak mahu peduli titik bengik politik. Sesiapa pun memerintah, aku tak peduli, persetankan, sila jahanam semuanya, asalkan kita boleh bersama! Aku menggilaimu, itu yang kutahu, dan paling utama dalam hidupku.

Dan kau? Kau peminat politik nombor satu. Segala hujah menentang kerajaan ada padamu. Kau langsung memetik hujah keluargamu mengesahkan pengakuan Anwar Ibrahim benar. Anwar di pihak benar! Anwar tidak bersalah! Anwar difitnah! Dan apabila Anwar dipecat daripada Umno, parti politik pembangkang mengambil peluang. Mereka mendapat dos suntikan baru, dan terus habis-habisan meracau memburukkan kerajaan. Anwar semacam messiah politikus pembangkang ketandusan isu, dan seluruh keluargamu sudah sedia menakjubi Nik Aziz, malah taksud padanya. Dan dogma-dogma bahawa Pas itu Islam sedari kecil membius fikiranmu. Pas adalah Islam; Islam adalah Pas.

Katamu lagi, Nik Aziz zuhud; kataku, Mahatma Gandhi lagi zuhud. Tahukah engkau apa yang ditinggalkan beliau? Hanya capal, sepasang dhoti, cermin mata bulatnya, itu saja. Siapa Nik Aziz siapa Mahatma Gandhi?

Engkau berhujah lagi, Pas parti Islam, kita orang Islam, apa lagi alternatif lain; manakala aku bingung memikirkan apa akhirnya cinta kita ini!

Oklah, aku cuba juga mengalah, katakanlah pembawaan Pas menyeleweng, walhal didalilkan parti Islam. Tidakkah ini mengotori Islam? Fikiran manusia boleh berubah, nama kekal mati. Bolehkah matlamat menghalalkan cara?

Kau terdiam, berfikir jauh, merajuk kononnya.

Melihat wajah surammu, kukatakan aku juga menyukai Anwar, tapi bukan Anwar Ibrahim.

Habis siapa?

Anwar Ridhwan, pengarang fiksyen terkenal itu!

Sebetulnya aku tidak begitu mengagumi sasterawan, aku lebih menyanjung pemikir seperti Dr Mahathir. Buku-bukunya Dilema Melayu, Menghadapi Cabaran, Jalan ke Puncak, Kebangkitan Semula Asia, Krisis Mata Wang Malaysia kutelaah habis. Isinya jelas mengungkap pemikiran. Sastera cuma lamunan. Sasterawan semuanya kaki khayal, barangkali kaki hisap ganja juga. Sasterawan kecanduan bahasa.

Engkau mencebik muka, geram!

Tiba-tiba badai melanda, keluargamu terhidu perhubungan kita. Mereka menyoal siapa aku, kerja apa, anak siapa, kenal di mana! Mereka menentang keras seolah aku ini si Soros gengster mata wang itu. Kita tidak bersedia menghadapinya. Aku tak tahu sesungguhnya apa alasan mereka. Engkau mulanya melawan mereka, kau mahu terus hidup bersamaku, pedulilah apa akan jadi,

katamu. Pelbagai sekatan dikenakan. Kita dilarang mengadakan pertemuan. E-mellah media kita bercinta dan meluahkan perasaan. Dan segala maki-hamun terus dihamburkan keluargamu. Kononnya aku ini bukan lelaki baik, kononnya aku manusia sekular, tiada asas agama.

Oh, lagak mereka semacam politikus pembangkang menyerang Dr Mahathir dan Umno.

Apa lagi, engkau segera merancang - berambus ke Kuala Lumpur; engkau dahulu, aku menyusul kemudian. Kita akan bertemu di sana.

Tibalah di persimpangan itu. Kita terpaksa memilih. Aku tahu ini bukanlah tindakan terbaik; kita sepatutnya menghadapinya walau apa pun terjadi. Tapi, tidak; engkau berkeras, engkau mahu berambus, dan persetankan saja keluargamu. Ini tindakan desperado sesungguhnya.

Malam itu engkau kuiringi ke perhentian bas. Engkau akan berangkat ke Kuala Lumpur. Hujan kala itu gerimis. Hatiku dibasahi kesedihan.

Engkau lalu menggenggam tanganku, aku merenung matamu. Serumu, apa pun terjadi kita mesti bersama. Berjanjilah, demi cinta suci ini, pintamu lagi, walau apa pun terjadi.

Sewaktu berpaling, aku lihat kelopak matamu bergenang. Engkau menangis tersedu-sedan. Aku juga ikut menangis dalam hati.

Semuanya benar-benar gagal, engkau berpaling tadah. Rasional dan logik keluargamu meresapi pemikiranmu. Rakyat tidak menyokong Barisan Alternatif. Parlimen Malaysia kekal dikuasai Barisan Nasional.

Hidupku pun hancur perlahan-lahan. Aku nanar setengah tahun. Setengah tahun fikiranku dilitupi kabut kejahilan. Setengah tahun aku kecanduan cintamu. Dunia kulihat gelap hitam. Matahari seolah-olah takkan muncul lagi.

Benarkah begitu, matahari tiada lagi?

Apa hikmah semua ini?

Di celah keruntuhan, aku bangkit semula. Awan gelap sudah pun berlalu. Malaysia keluar dari lingkaran krisis ekonomi dan politiknya. Demonstrasi jalanan hanya angin kecil. Ia cuma menggoyangkan daun-daun lalang, dan Mahathir sekuat pohon jati.

Semalam aku mimpikanmu lagi, Ein.

Apa erti semua ini?

Politik negara? Parti Islam? Cinta suci kita? Itulah soalnya.

Kenang-kenangan, aku terimbas suaramu lembut berhujah. Hasrat kita murni, kita mahu membina masjid, sebagaimana parti Pas mahu membina negara Islam, dakwamu.

Ulangmu lagi, kita mahu membina masjid, bukan? Adakah ini salah?

Ein, benar-benar lucu dan jahil kita ini! Kita mendakwa cinta kita suci, apa katamu, sesuci embun pagi, seindah purnama? Apa yang kita lakukan setiap kali bertemu, itukah kesucian cinta? Ingatkah kau apa kita lakukan di panggung wayang, dalam bas, di lorong-lorong bangunan lama, atau kala membonceng motosikal?

Adakah ini kesucian cinta?

Sungguh aku tak percaya, parti yang mendakwa Islam ideologinya itu; sama juga percintaan kita. Mereka mahu membina negara Islam, tapi kaedahnya merosakkan. Adakah cinta kita halal? Tidak, kala mabuk asmara, kita saling menikmati kehangatan tubuh masing-masing, inci demi inci hingga kita lesu terkulai. Engkau mendapak tubuhku, memejam mata, lalu khayali, akhirnya sampai di bulan. Mereka menyumpah, memaki hamun, dan memperalatkan agama, sebagaimana kita mendakwa semua perlakuan kita atas nama cinta suci.

Jika percintaan haram, kukira parti politik yang kaudakwa Islam itu juga haram. Sebagaimana kita lihat pasangan kekasih bebas memadu cinta, parti politik mendakwa Islam anutannya juga tidak dilihat salah, Ein.

Percayalah aku kini, apa yang terjadi semuanya baik. Ein, meski murni impian kita, percintaan sebenarnya jalan haram. Kita tak sepatutnya

bercinta dan melakukan dosa-dosa. Di sini, aku terkenangkan semula buku Il Prince, karya Niccolo Machiaveli. Katanya, matlamat boleh menghalalkan sebarang cara. Betapa jahilnya! Patutlah Tuhan jatuhkan segala bala ini padaku. Kitalah penyeleweng Kebenaran.

Ein, benar kita mahu bersama, benar kita saling mencintai, benar juga kita ikhlas. Setiap kali bertentang mata, apa kau bayangkan? Mahu kuakui jujur, aku bayangkan seluruh tubuhmu bogel. Bibirmu, pipimu, lehermu, malah seluruh tubuhmu, aku selalu bayangkan kecantikannya. Dan kubayangkan ia dalam pelukanku selalu. Aku mahu memilikinya. Aku mencanduinnya. Perasaan apakah ini, Ein?

Akuimu, aku kekasih sejati. Aku memahamimu, aku lelaki budiman, aku pendengar tulen. Semua itu kulakukan hanya untuk memiliki jasadmu. Semuanya seks, atau kuasa bagi politikus. Tanpa itu, engkau tiada apa-apa makna, engkau hanya gambar bisu. Aku hanya mencintai bentukmu. Andai jiwamu terperangkap dalam tubuh hodoh, sebelah mata pun takkan kupandangimu. Segala janji manis kutabur hanya retorik politikus.

Dan tentang parti politik sanjunganmu itu, aku pohon kau kaitkan sendiri dengan cinta kita. Dengan akal waras, fikirkanlah semua ini. Cuma benarkanlah aku berandaian di sini, katakanlah hasrat kumpulan politikus pembangkang itu murni, bukan retorik, adakah jalannya betul? Yang kulihat, mereka oportunistik. Mereka tiada wawasan. Mereka tiada keikhlasan. Semua tindakan mereka hanya untuk meraih sokongan, sebagaimana aku berpolitik untuk memiliki tubuhmu. Cara mereka menegakkan kebenaran menyesatkan. Mereka merosakkan keadaan.

Selebihnya, hubungan antara lelaki dengan perempuan, tipu semuanya kalau tanpa nafsu badani.

Dan memang benar kita juga devian, menyelewengi ajaran-Nya. Bukankah homoseks juga sejenis devian?

Kuulangi konklusi sebenar Einstein, tiada masalah boleh diselesaikan melalui pemikiran yang menciptanya. Kita mesti belajar melihat dunia dari kaca mata baru.

Sesudah sembuh daripada penderitaan cinta, aku kembali melihat kemerdekaan sebenar. Sesudah keluar dari fikiran yang mencetuskan semua masalah itu, aku kembali melihat kebenaran, Ein.

(END)